

# Dr Mahathir tak setuju batal projek

**J**OHOR BAHRU: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sepatutnya meneruskan projek pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor kerana percaya rakyat akan menyokong tindakan itu.

Katanya, memang rakyat tidak setuju memberi pasir dan penggunaan ruang udara kepada Singapura tetapi tidak bermakna rakyat Malaysia tidak bersetuju dengan jambatan bengkok itu.

"Terus-terang saya katakan, tidak bersetuju dengan pandangan kerajaan rakyat tidak mahu jambatan bengkok itu," katanya selepas melawat projek Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Bukit Chagar, dekat sini, semalam.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan Pengarah Urusan Gerbang Perdana Sdn Bhd (GPSB), Datuk Yahya A Jalil.

Dr Mahathir berkata, memang dari awal Singapura menentang pembinaan jambatan itu dan kerana itu sebelum bersara pada 2003, beliau mencadangkan pembinaan jambatan bengkok menggantikan bahagian Tambak Johor milik Malaysia.

Beliau berkata, walaupun Singapura mengancam mengambil tindakan undang-undang, Malaysia masih boleh membina jambatan di kawasan sendiri.

"Kita seharusnya membawa isu ini kepada Mahkamah Antarabangsa seperti isu Pulau Sipadan-Ligitan di Sabah, yang kita menang. Namun, dalam kes Singapura, kita mengaku kalah sebelum berjuang," katanya.

Mengenai pemindahan paip air, beliau berkata, ada dalam perjanjian, jika ada keperluan tertentu paip air boleh dipindah selepas diberi notis enam bulan dengan urusan pemindahan dijalankan Singapura dan kerajaan tidak perlu bayar apa-apa.